



## KERAJAAN MALAYSIA

---

### SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2012

---

#### **PERUBAHAN PENETAPAN GAJI PERMULAAN BERIKUTAN PELAKSANAAN JADUAL GAJI MINIMUM – MAKSIMUM MENGGANTIKAN JADUAL GAJI MATRIKS**

#### **TUJUAN**

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan perubahan penetapan gaji permulaan bagi skim-skim perkhidmatan yang berkuat kuasa selaras dengan kenaikan gaji pegawai perkhidmatan awam di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM) melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012 – Kenaikan Gaji Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia (PP 1/2012).

#### **DEFINISI**

2. Dalam pekeliling perkhidmatan ini, “gaji permulaan” bermaksud matagaji yang ditetapkan untuk seorang pegawai yang baru dilantik tertakluk kepada skim perkhidmatan berkenaan.

## **LATAR BELAKANG**

3. Kerajaan telah memutuskan supaya SSM dikekalkan dengan penambahbaikan melalui PP 1/2012. Dengan berkuatkuasanya PP 1/2012, maka kesemua skim perkhidmatan yang diluluskan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 – Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan, pekeliling dan surat pekeliling perkhidmatan serta surat pelaksanaan mengenai penggubalan, perubahan dan penjumudan skim perkhidmatan dalam tempoh 1 November 2002 sehingga 31 Disember 2011 seperti di **Lampiran A** kekal berkuat kuasa.

## **KEPERLUAN PERUBAHAN PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

4. Melalui PP 1/2012, Kerajaan telah bersetuju memberi kenaikan gaji antara 7% hingga 13% kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang melibatkan Kumpulan Pelaksana, Kumpulan Pengurusan dan Profesional, dan Kumpulan Pengurusan Tertinggi. Struktur gaji SSM pula diubah suai daripada Jadual Gaji Matriks (JGM) yang mempunyai tiga (3) peringkat gaji (P) dan tangga gaji (T) kepada Jadual Gaji Minimum – Maksimum (JGMM) yang tidak lagi memperuntukkan tangga gaji.

5. Berikutan dengan pemakaian JGMM tersebut, penetapan gaji permulaan bagi 279 skim perkhidmatan perlu dipinda supaya selaras dengan keputusan kerajaan. Perubahan struktur gaji ini juga melibatkan perkhidmatan Polis Diraja Malaysia melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2012 – Kenaikan Gaji Bagi Perkhidmatan Polis Diraja Malaysia Di Bawah Sistem Saraan Malaysia dan perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia melalui Surat Pelaksanaan Kenaikan Gaji Bagi Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia Di Bawah Sistem Saraan Malaysia. Perubahan penetapan gaji permulaan ini hanya terpakai kepada pegawai yang dilantik mulai 1 Januari 2012.


## **PELAKSANAAN**

6. Dengan perubahan JGM kepada JGMM, penetapan gaji permulaan bagi 279 skim perkhidmatan yang berkuat kuasa adalah seperti di **Lampiran B**.

## **TARIKH KUAT KUASA**

7. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2012**.

## **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(TAN SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH)**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

16 April 2012

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan